

Malaysia, Singapura tingkat kerjasama cegah COVID-19

Kuala Lumpur: Malaysia dan Singapura perlu terus meningkatkan kerjasama dan berganding bahu untuk mencegah, membendung dan mengawal penyebaran COVID-19, kata Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Perdana Menteri berkata, itu antara perkara dizahirkan ketika beliau menerima kunjungan hormat Pesuruhjaya Tinggi Singapura ke Malaysia, Vanu Gopala Menon di pejabatnya di Bangunan Perdana Putra, Putrajaya, semalam.

Muhyiddin berkata, Malaysia dan Singapura perlu terus bekerjasama dalam penyelidikan dan pengembangan vaksin COVID-19 serta bidang epidemiologi, ubat-ubatan antivirus serta sistem kesihatan masyarakat umum yang bermanfaat kepada kedua-dua negara.

"Kami akui hubungan dua hala Malaysia-Singapura terus berkembang positif walaupun ketika dua negara ini melalui tempoh mencabar, khususnya akibat penularan wabak COVID-19.

"Kami percaya Malaysia dan Singapura mempunyai pengala-

man, kebolehan serta kepakaran untuk mengatasi ancaman jangka panjang wabak itu. Untuk itu, saya tekankan kedua-dua negara perlu terus meningkatkan kerjasama dan berganding bahu mencegah serta mengawal penyebaran COVID-19," katanya dalam kenyataan, semalam.

Muhyiddin berkata, perbincangannya dengan Vanu tertumpu kepada usaha yang boleh dan perlu dilakukan kedua-dua pihak dalam memperkukuh serta mempererat kerjasama dua hala menerusi penerokaan bidang baharu seperti sains teknologi dan inovasi untuk kepentingan bersama.

Selain itu, katanya, mereka turut bersetuju pelaksanaan Laluan Hijau Timbal Balik (RGL) dan Peraturan Ulang Alik Berkala (PCA) pergerakan rentas sempadan antara Malaysia-Singapura bermula 17 Ogos lalu, berjalan lancar serta berkesan.

Beliau dan Vanu turut menyatakan komitmen memastikan pergerakan orang ramai serta kawalan sempadan terus berjalan lancar tanpa mengabaikan aspek ke-

selamatan, selain yakin langkah itu akan membantu Malaysia dan Singapura memulihkan ekonomi serta interaksi rakyat yang terjejas akibat pandemik.

"Saya berharap Malaysia dan Singapura segera memuktamadkan prosedur operasi standard (SOP) berhubung cadangan perjalanan ulang-alik harian bagi pekerja kedua-dua negara, seiring usaha meningkatkan ekonomi negara serta golongan yang terabit," katanya.

Berhubung projek Kereta Api Berkelajuan Tinggi (HSR), Muhyiddin berharap perbincangan peringkat menteri kedua-dua negara dapat diadakan dalam masa terdekat bagi membincangkan hala tuju projek berkenaan.

"Bagi sesi Retreat Pemimpin Tahunan (ALR) ke-10 yang sepatutnya dihoskan pihak Singapura tahun ini, saya meminta pegawai kedua-dua negara berbincang, seterusnya mencadangkan kaedah bersesuaian mengadakan sesi ALR berkenaan atau mengemukakan cadangan lain," katanya.



Muhyiddin menerima kunjungan hormat Vanu Gopala Menon di pejabatnya di Bangunan Perdana Putra, Putrajaya, semalam.

(Foto Bernama)